

**Kuala Lumpur:** Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT) mengumumkan pembinaan projek Laluan Satu Mass Rapid Transit (MRT) dari Sungai Buloh ke Kajang kini mencapai tahap 85 peratus pembinaan dan mengikut jadual ditetapkan.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Hubungan Pihak Berkepentingannya, Datuk Najmuddin Abdullah berkata, semua kerja struktur awam bagi stesen bertingkat, laluan rel dan seksyen jejambat siap sepenuhnya.

“Kerja pembinaan berjalan lancar dan hampir siap di kawasan utara serta berjalan baik di sebelah selatan manakala kerja bagi pintu masuk dan pemasangan jejambat penghubung merentasi

# Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang siap 85 peratus

FOTO: ROSELA ISMAIL



**NAJMUDDIN** (berdiri, dua dari kiri) bersama pengamal media yang hadir ke majlis berbuka puasa MRT bersama media di Aloft KL Sentral.

jalan dan fasiliti di bawah stesen juga berjalan baik,” katanya ketika berucap pada

Media Iftar MRT di sini, semalam.

Beliau berkata, semua ker-

ja struktur stesen di bawah tanah juga sudah lengkap kecuali struktur ‘vent’ dan

pintu masuk di atas tingkat bawah dan pintu masuk.

Untuk sistem, 24 keretapi diperlukan untuk fasa satu operasi di mana ia akan bermula pada Disember 2016 dan kini sudah dibawa ke Depot Sungai Buloh dan memasuki percubaan berterusan pada seksyen jejambat fasa satu.

Menurutnya, kerja pembinaan laluan kini lengkap untuk kedua-dua laluan rel dan terowong dengan tenaga kuasa laluan sudah dipasang di Depot Sungai Buloh dan seksyen jejambat fasa satu.

Fasa satu projek MRT dari Sungai Buloh ke Semantan dijangka mula beroperasi pada Disember ini manakala

fasa kedua dari Semantan ke Kajang dijangka beroperasi pada Julai 2017.

Untuk Laluan Kedua MRT membabitkan MRT Sungai Buloh -Serdang - Laluan Putrajaya (SSP), kerja pembinaan akan bermula pada hujung bulan ini di mana ia kerja pembersihan tanah akan dilakukan.

Najmuddin berkata, 18 pakej kerja sudah dianugerahkan untuk projek itu sehingga kini manakala pakej lain akan menyusul kelak.

“Laluan SSP akan beroperasi pada dua peringkat dengan fasa pertama dijangka bermula pada Disember 2021 manakala fasa kedua pada Julai 2022,” katanya.